

52 pelajar asing daftar di UMP

Utusan M'sia (Timur) Sabtu 4/7/09 m/s 26

KUANTAN 3 Julai - Universiti Malaysia Pahang (UMP) melakar sejarah tersendiri apabila menerima seramai 52 pelajar luar negara pertama untuk program ijazah sarjana muda bagi sesi pengajian 2009/2010.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, daripada jumlah itu, seramai 39 pelajar dari China, lima dari Yemen, dua masing-masing dari Kemboja dan Indonesia dan masing-masing satu dari Sudan, Uzbekistan, Iran dan Thailand.

"Sejak memulakan operasi pada 2002/2003, ini merupakan pertama kali UMP mengambil pelajar asing bagi kursus sarjana muda.

"Pengambilan pelajar antarabangsa ini adalah sejajar dengan strategi pengajian tinggi negara iaitu dengan menetapkan sekurang-kurangnya 15 peratus daripada pelajar keseluruhannya adalah daripada pelajar asing.

"Sebelum ini UMP memperkenalkan kursus Bahasa Inggeris yang dikenali 'Persediaan Intensif Bahasa Inggeris' (PIE) kepada pelajar luar sebagai perintis kepada pengambilan pelajar antarabangsa ini," katanya kepada pemberita selepas Majlis Amanat Naib Canselor dan Lafaz Ikrar pelajar baru di Astaka UMP di Kuantan, semalam.



DR. DAING Nasir Ibrahim (tiga kanan) beramah mesra bersama sebahagian pelajar asing yang melakukan pemeriksaan kesihatan pada Majlis Amanat Naib Canselor dan Lafaz Ikrar pelajar baru di Astaka UMP di Kuantan, semalam.

Menurutnya, setiap pelajar antarabangsa perlu menjalani kursus PIE selama enam bulan sebagai syarat utama sebelum memohon memasuki UMP.

Sementara itu, pelajar antarabangsa yang ditemui, **Ahmed Ishag Fadul Rashed**, 21, dari Sudan berkata, dia berasa bertuah kerana terpilih melanjutkan pelajaran di

Malaysia dalam bidang kejuruteraan perisian.

"Saya bangga kerana terpilih melanjutkan pelajaran di UMP iaitu sebuah universiti yang hanya memfokuskan dalam bidang kejuruteraan dan teknikal," katanya yang mengikuti kursus Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian).

Bagi **Xuan Chong**, 20, dari Yellow River, China, sebelum ini, rakan-rakan di negaranya sering menceritakan mengenai UMP berbanding universiti lain di negara ini.

"Rakan-rakan senegara sering memberitahu saya bahawa UMP adalah universiti yang baik.

"Atas dasar itu saya memilih UMP sebagai pilihan utama. Lagi pun ramai juga pelajar asing di UMP dari China," ujarnya yang akan mengikuti pengajian dalam bidang Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal.

Dalam pada itu, menurut **Yan Jing**, 21, yang mengikuti kursus Sarjana Muda Pengurusan Projek, persekitaran pengajian yang kondusif mendorongnya mengikut pengajian di UMP.

"Saya sering melayari Internet dan mendapati UMP pilihan terbaik kerana memiliki persekitaran pengajian yang baik," jelasnya.